

Dr. M harap Malaysia hasilkan kereta api berkelajuan tinggi

UM - 1 SEP 2003

Oleh
ROZILAN SALLEH dan HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 31 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap Malaysia dapat mengeluarkan sendiri kereta api berkelajuan tinggi selaras dengan perkembangan teknologi kejuruteraan di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia boleh berbangga dengan perkembangan kejuruteraan tempatan yang semakin meningkat maju selepas negara mula menceburi pembuatan kereta nasional pada 1985.

Katanya, kemampuan mengeluarkan sendiri sistem pengangkutan monorel membuktikan bahawa Malaysia memiliki kemampuan yang setanding dengan negara-negara maju yang lain.

“Sudah tentu kita mempunyai visi lain pula dan tidak terhenti dengan hanya mengeluarkan monorel sahaja.

“Mungkin kita boleh lebih maju lagi seperti membina kereta api sendiri dengan kelajuan tinggi, insya-Allah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan pembukaan operasi sistem transit pertama buatan Malaysia, KL Monorel di sini hari ini.

Sistem pengangkutan monorel bernilai RM1.8 bilion itu sepatutnya dilancarkan September tahun lepas tetapi ditunda selepas sebuah daripada rodanya yang seberat 13.4 kilogram tercabut semasa monorel itu diuji pandu.

● Tambang KL Monorel RM1 setiap perjalanan sepanjang September — Muka 2

Sebagai pelengkap sistem pengangkutan awam bersepadu di ibu negara, KL Monorel akan beroperasi sejauh 8.6 kilometer di antara Stesen Titivangsa di Jalan Tun Razak dan berakhir di KL Sentral.

Ita turut dihubung dua sistem transit aliran ringan milik STAR dan PUTRA di Stesen Titivangsa dan Stesen Hang Tuah serta Stesen Bukit Nanas dan KL Sentral.

Perkhidmatan monorel itu dijangka mampu menampung kira-kira 80,000 penumpang sehari dan sekali gus dapat mengurangkan masalah kesesakan jalan raya.

Menurut Dr. Mahathir, beliau percaya rakyat negara ini berkemampuan membina sendiri kereta api berkelajuan tinggi sekiranya sedia berusaha gigih dan diberi lebih masa.

Katanya, apa yang penting ialah perlu membuat persediaan dan kajian yang lengkap kerana kejayaan boleh diperoleh setelah mempunyai pengalaman sebagaimana kemampuan mengeluarkan sistem monorel yang moden dan nampak lebih ringkas.

“Saya percaya jika orang lain boleh melakukannya, kita juga boleh lakukan, malahan mungkin lebih baik lagi,” jelasnya.

Perdana Menteri turut menyatakan rasa kagumnya dengan kemampuan KL Monorel Systems Sdn. Bhd., pengeluar sistem

■ Lihat muka 4

Dr. M harap Malaysia hasilkan kereta api berkelajuan tinggi

pengangkutan itu yang dapat menarik minat beberapa negara asing untuk menggunakan sistem pengangkutan yang sama.

Antara negara yang menyatakan minat untuk membina sistem monorel seperti itu ialah China, Indonesia, Qatar dan Pakistan.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia kini mampu mengeksport kepakaran dalam bidang kejuruteraan dalam sistem pengangkutan ban-

dar, iaitu suatu pencapaian membanggakan. “Kita dapat meningkat dalam kejuruteraan selepas memperkenalkan kereta nasional. Sekarang kita mempunyai pula lebih kurang monorel nasional. Ini menunjukkan kita memiliki kepakaran kejuruteraan” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, pembinaan sistem monorel dapat mengelak pencemaran alam sekitar yang seterusnya

menjejaskan pemandangan di ibu kota jika dibina di atas tanah.

“Sebaliknya, penumpang monorel dapat menikmati keindahan pemandangan serta bangunan-bangunan menarik di sekitar Kuala Lumpur,” jelasnya.

Selain itu, pembinaan monorel mampu menjimatkan kos lima kali ganda berbanding sistem pengangkutan bawah tanah, katanya.